

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 17 BILANGAN 33 RABU 16HB. OGOS, 1972. 1392 رابو 6 رجب PERCHUMA

Dua orang di-anugerahkan gelaran "Cheteria"

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah berkenan menganugerahkan gelaran 'Cheteria' kepada dua orang raayat Baginda dalam dua istiadat yang diadakan pada minggu lalu.

Pada hari Khamis, 10hb. Ogos, Duli Yang Maha Mulia telah menganugerahkan gelaran Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara kepada Pengiran Dato Setia Omar bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong.

Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara Pengiran Omar ia-lah Timbalan Penguasa Pulis Diraja Brunei.

Dalam istiadat yang diadakan pada hari Sabtu, 12hb. Ogos, Duli Yang Maha Mulia telah menganugerahkan gelaran kepada Pengiran Haji Yusof bin Pengiran Mohd. Limbang.

Pengiran Haji Yusof sekarang di-kenali sebagai Yang Amat Mulia Pengiran Laila Wijaya.

Istiadat menganugerahkan gelaran kepada dua orang Cheteria baru itu diadakan di-Lapau dan

telah berlangsung di-hadapan Duli Yang Maha Mulia.

Chiri gelaran kepada Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara Pengiran Omar telah dibacakan oleh Yang Di-Muliakan Pehin Khatib Awang Haji Abdul Hamid sementara Yang Di-Muliakan Pehin Khatib Awang Juned telah membacakan chiri gelaran kepada Yang Amat Mulia Pengiran Laila Wijaya Pengiran Hj. Yusof.

Hadhir di-kedua2 istiadat tersebut ia-lah T.Y.T. Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Dato Peter Gautrey; D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan; Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah; Penasehat Umum kebawah D.Y.M.M. Al-Sultan, Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa; Pemangku Menteri Besar, Y.A.M. Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin; Y.T.M. Seri Paduka Duli2 Wazir; Yang Amat Mulia Cheteria2; Pengiran2; Pehin2 dan pegawai2 kanan kerajaan.



Y.A.M. Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Pengiran Hj. Damit sedang menapakkan sa-gangsa sيره ka-bahu Y.A.M. Pengiran Putera Negara Pengiran Omar dalam istiadat menganugerahkan gelaran pada hari Khamis lepas. Gambar bawah: Y.A.M. Pengiran Laila Wijaya Pengiran Haji Yusof.



Hampir \$126,000 di-bayar untuk penerima2 penchen

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-banyak \$125,687.50 telah di-bayar untuk perkhidmatan Kebajikan Penchen2 Negara, Brunei bagi bulan Julai yang lalu.

Menurut penyata pembayaran kasar yang di-keluarkan oleh Timbalan Pengawal Penchen2 Brunei menunjukkan bahawa sa-banyak \$120,912.50 telah di-bayar kepada penerima2 penchen umur tua; \$5,150.00 di-bayar bagi penchen orang2 buta serta tanggungan mereka; dan \$625.00 di-bayar bagi alaan orang2 tanggungan pengidap penyakit kusta dan gila.

Daerah Brunei dan Muara ada-lah yang terbanyak sekali penerima2 penchen umur tua dengan jumlah bayaran sa-banyak \$67,087.50 berbanding dengan Daerah Belait sa-banyak \$22,275.00; Daerah Tutong \$25,125.00; dan Daerah Temburong sa-banyak \$6,425.00.

Bagi pembayaran penchen orang2 buta dan tanggungan mereka, Daerah Brunei dan Muara juga ada-lah yang terbanyak sekali dengan jumlah pembayaran sa-banyak \$3,362.50. Pembayaran bahagian ini di-Daerah Belait sa-banyak \$937.50; Daerah Tutong sa-banyak \$625.00; dan Daerah Temburong sa-banyak \$225.00.

Pembayaran bagi alaan orang2 tanggungan pengidap penyakit kusta dan gila ada-lah menunjukkan sa-jumlah \$375.00 di-Daerah Brunei dan Muara; \$187.50 di-Daerah Belait; dan Daerah Tutong sa-banyak \$62.50. Tidak ada pembayaran di-buat bagi Daerah Temburong.

Timbalan Pengawal Penchen2, Awang Haji Mohsin bin Pukul menyatakan bahawa penyata tersebut ada-lah bagi pembayaran kasar dalam bulan Julai sahaja dan penvata bulanan sa-terusnya akan di-keluarkan kelak.

Melanjutkan pelajaran ka-Universiti S'pura

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dyg. Misli binte Awang telah berlepas ka-Singapura pada hari Isnin lepas untuk melanjutkan pelajaran di-Universiti Singapura bagi mendapatkan diploma pelajaran.

Dayang Misli ia-lah lepasan dari sa-buah universiti di-London dengan mendapat ijazah B. Sc. dalam jurusan ilmu hisab dan computer sains dalam tahun 1970.

Dari sejak itu Dayang Misli telah berkhidmat sa-bagai guru di-Maktab Melayu Paduka Seri Begawan.



DUA orang ahli jawatankuasa tertinggi Majlis Belia2 Negeri Brunei telah berlepas ka-Kuala Lumpur pada hari Ahad lepas dalam perjalanan mereka ka-United Kingdom untuk menghadiri Perhimpunan Belia Sa-Dunia yang ke-lapan yang berlangsung di-Manchester, England.

Mereka ia-lah Awang Yakob bin Ahmad, Setia Usaha Agong (kanan) dan Awang Abdul Latif bin Haji Ibrahim, Ketua Seksi Sosial majlis tersebut.

Di-Kuala Lumpur, mereka juga telah menghadiri Persidangan Jawatankuasa Tetap Majlis Belia Kebangsaan Asia yang di-adakan sa-lama tiga hari.

Perhimpunan Belia Sa-Dunia yang ke-lapan di-Manchester itu akan di-adakan sa-lama 10 hari mulai 20hb. Ogos ini.

Peluang berniaga

KUALA BELAIT. — Penduduk di-Pekan Seria dan Kuala Belait yang ingin menjual makanan dan minuman orang2 Islam di-gerai2 yang akan di-bena di-Kuala Belait ada-lah di-pelawa untuk menghantar permohonan2 mereka dengan segera.

Pengerusi Gerai itu, Awang Jaya bin Abdul Latif berkata, permohonan2 itu hendak-lah di-tujukan kepada Setiausaha Lembaga Bandar Kuala Belait, Pg. Metussin bin Pengiran Shabbudin, tidak lewat pada 21hb. Ogos ini.

Pembukaan rasmi gerai itu akan di-adakan pada 1hb. September bulan depan.

(SAMBONGAN)

TIDAK BOLEH MELETAK
KERETA TANPA

8. Tiada siapa pun boleh:

(1) meletak atau menyebabkan atau membenarkan di-letak apa2 kereta motor di-mana2 tempat letak kereta jika sa-orang atendan letak kereta ada bertugas di-situ melainkan jika ia telah mendapat resit daripada atendan letak kereta itu menunjukkan yang pembayaran itu telah di-bayar;

(2) terus meletak atau menyebabkan atau membenarkan terus di-letak apa2 kereta motor dalam suatu petak letak kereta sa-lepas habis tempoh yang mana kereta motor itu di-benarkan di-letak dalam petak letak kereta itu sa-bagaimana di-nyatakan dalam resit rasmi yang di-keluarkan oleh atendan letak kereta.

PERINGATAN
MA'ALUMAN

9. (1) Jika sa-sebuah kereta motor di-letak dengan melanggar perenggan-kechil (1) atau (2) perenggan 8 di-atas berbong dengan bayaran yang di-tetapkan bagi tempoh yang mana2 kereta motor itu telah di-letakkan di-tempat letak kereta tanpa membayar bayaran yang di-tetapkan atau bagi sa-satu tempoh lebeh daripada tempoh yang di-nyatakan dalam resit rasmi yang di-keluarkan oleh atendan letak kereta maka ada-lah menjadi kewajipan atendan letak kereta itu untuk mengeluarkan suatu peringatan ma'aluman yang di-kehendaki di-tampalkan pada windscreen atau mana2 bahagian lain kereta motor itu yang mudah di-lihat meminta pemu-nya kereta itu supaya membayar bayaran meletak yang tertentu sa-belum habis tempoh 7 hari tarikh peringatan ma'aluman itu dan jika serchaj akan di-kenakan.

Peringatan ma'aluman itu hendak-lah mengandungi butir2 yang berikut:

- nombor pendaftaran kereta itu;
- tarikh keluaran peringatan ma'aluman itu;
- masa di-keluarkan;
- bayaran yang kena di-bayar;
- nombor petak letak kereta dan tempat di-mana di-letakkan,

UNDANG2 LALU-LINTAS, 1954

PERATORAN2 LALU-LINTAS (LEMBAGA BANDARAN BANDAR
SERI BEGAWAN) (TEMPAT LETAK KERETA), 1972.

(2) Jika kereta motor yang bagi-nya suatu peringatan ma'aluman yang terdahulu itu maka atendan letak kereta hendak-lah di-keluarkan sa-terus-nya, sa-lama kereta motor itu masih terletak di-dalam petak letak kereta itu.

BAYARAN LEBEH DAN
SERCHAJ

10. Sa-siapa jua yang telah melakukan perbuatan dengan melanggar perenggan 8 atau 9 dan telah mungkir membuat bayaran mengikut peruntukan perenggan 9 hendak-lah, apabila di-beritahu dengan bertulis tentang Pelanggaran dan belum membuat bayaran itu oleh Lembaga, membayar kepada Lembaga dalam tempoh satu minggu dari tarikh pemberitahu itu dan di-tempat yang di-nyatakan dalam pemberitahu itu —

- bayaran lebeh sa-banyak \$2.00 bagi tiap2 jam atau sa-bahagian-nya yang kereta motor itu telah di-letakkan di-tempat letak kereta tanpa membayar bayaran yang di-tetapkan; atau
- serchaj sa-banyak \$2.00 bagi tiap2 jam atau sa-bahagian-nya yang kereta motor itu terus terletak di-tempat letak kereta sa-lepas habis tempoh meletak kereta yang di-benarkan:

Dengan syarat bahawa bayaran lebeh satu serchaj itu tidak-lah boleh lebeh daripada \$5.00 pada mana2 satu ketika dan boleh di-bayar terus kepada Pegawai Lembaga Bandaran, dan lagi dengan syarat bahawa perenggan ini tidak-lah di-pakai jika orang yang melakukan perbuatan dengan melanggar perenggan 8 atau 9 itu membayar, tidak kurang daripada 7 hari dari tarikh berlakunya pelanggaran itu, kepada atendan letak kereta yang bertugas atau kepada Pengerusi Lembaga Bandaran, bayaran yang di-tetapkan bagi mana2 tempoh bahawa kereta motor itu telah terus di-letakkan lebeh daripada tempoh yang di-nyatakan dalam resit rasmi yang di-keluarkan oleh atendan letak kereta.

TAMBAHAN BAGI
BAYARAN LEBEH
DAN SERCHAJ

11. sa-seorang yang menjaga kereta motor yang terletak dalam petak tempat letak dan tidak membayar bayaran lebeh atau serchaj sa-bagaimana di-kehendaki oleh perenggan 10 dalam tempoh yang di-tetapkan ada-lah melakukan suatu kesalahan di-bawah Peratoran ini dan dalam hal yang demikian bayaran lebeh atau serchaj itu hendak-lah di-tambah hingga sa-banyak sa-puloh ringgit; dan jika tidak di-bayar jumlah itu ada-lah satu kesalahan di-bawah Perintah ini.

SEKATAN TERHADAP
MELETAK KERETA
KALI KEDUA DENGAN

MENGUNA RESIT ASAL

12. (1) Tiada sa-siap pun yang telah mengalehkan kereta motor-nya dari suatu petak letak kereta sa-belum habis tempoh yang di-benarkan bagi meletak kereta itu berhak meletak kereta itu dalam petak letak kereta yang itu juga bagi kali kedua-nya tanpa membayar lagi bayaran yang di-tetapkan walau pun tempoh asal yang di-benarkan itu belum habis.

(2) Peruntukan2 perenggan-kechil (1) tidak-lah di-pakai bagi pemegang teket tempat letak kereta musim yang sah yang membenarkan pemegang-nya meletakkan kereta motor di-tempat letak kereta musim.

KESELAMATAN KERETA2
LAIN

13. Kereta dalam kawasan sa-satu tempat letak kereta tidak boleh di-tarek, di-pandu atau di-tolak kechuali dengan chara yang terator dan berhemat dan dengan mengambil perhatian terhadap keselamatan kereta2 lain dan orang2 dalam kawasan tempat letak kereta itu.

KERETA2 TIDAK
BERTUNGGU

14. Kereta motor di-satu tempat letak kereta tidak boleh di-biarkan tidak bertunggu melainkan jika kereta itu tak dapat lagi di-aleh dengan meng-

gunakan berek atau dengan apa2 chara lain yang menchukupi.

PENGANTONGAN
MENGENAI TEMPAT2
ATAU PETAK2
LETAK KERETA

15. (1) Lembaga boleh mengantong penggunaan sa-satu tempat atau petak letak kereta bila2 masa di-fikirkan-nya pengantongan itu sa-bagai munasabah perlu —

(2) Atas sa-satu pengantongan yang tersebut di-atas sa-seorang wakil Lembaga yang di-berikuasa dengan sempurna hendak-lah menampalkan suatu notis tertentu di-petak letak kereta yang berkenaan atau dekat dengan-nya; dan ada-lah menyalahi undang2 bagi sa-siapa jua meletakkan apa2 kereta motor di-tempat atau dalam petak letak kereta itu kechuali bagi maksud yang pengantongan itu telah dibuat.

KERETA2 YANG
DI-KECHUALIKAN

16. Peratoran ini tidak-lah di-pakai bagi —

- mana2 ambulan atau mana2 kereta bomba atau apa2 jua kereta yang di-guna oleh Tentera Darat, Polis atau Pejabat Pos;
- apa2 jua kereta yang di-guna oleh mana2 pihak-berkuasa yang di-benarkan oleh atau di-bawah mana2 undang2 bertulis, atau di-bawah mana2 peratoran yang mempunyai kuatkuasa mana2 undang2 bertulis, untuk membina, mendirikan atau menjalankan pekerjaan mengenai letrik, ayer atau lain2 kegunaan pekerjaan awam sa-takat mana kereta itu di-gunakan untuk membina, mendirikan atau menjalankan mengenai-nya; dan

(c) sa-sebuah kereta yang telah di-arahkan ka-satu petak letak kereta oleh sa-orang pegawai polis beruniform dalam masa ia menjalankan tugas-nya.

(BERSAMBONG)

PERCHAYA AKAN DIRI SENDIRI PUNCHA KEJAYAAN

SALAH satu sifat yang perlu bagi mencapai sa-suatu kejayaan dan kemenangan itu ia-lah perchaya kepada diri sendiri. Perchaya kepada diri sendiri ada-lah tiang dari segala budi pekerti yang utama yang menimbulkan kamahuan dan kehendak serta menimbulkan usaha sendiri atau berdikari. Sabalek-nya tanpa keperchayaan kepada diri sendiri dan tidak mahu berpegang kepada kebolehan yang ada pada diri sendiri ada-lah menggambarkan sifat2 lemah yang membawa kepada kemundoran dan ketinggalan di-dalam mencapai sa-suatu kejayaan dan kemenangan.

Di-dalam buku2 sejarah banyak kita dapati bakti2 betapa orang2 yang perchaya dan berpegang tegoh atas kebolehan diri sendiri itu mendapat kejayaan dan kemenangan di-dalam sa-genap usaha dan perjuangan-nya. Di-sebabkan perchaya kepada diri sendiri Khalifah Abu Bakar r.a. tidak gentar sedikit pun menghadapi kesukaran dan huru-hara yang terjadi sa-telah Rasulullah s.a.w. wafat. Boleh di-katakan seluruh tanah Arab memberontak dan hendak memutuskan perhubungan dengan pusat pimpinan Islam, mendakwakan timbul-nya Nabi2 palsu dan engkar mengeluarkan zakat. Khalifah Abu Bakar r.a. tampil ke hadapan dengan penoh keperchayaan kepada diri sendiri bagi menghapuskan huru-hara yang mengancam keamanan dan ketegohan Islam itu yang maha akhir-nya beliau telah beroleh kejayaan dan kemenangan.

Di-dalam peperangan Badar, Rasulullah s.a.w. bersama2 dengan hanya tiga ratus tentera Islam kerana kekuatan iman dan keperchayaan kepada diri sendiri telah berjaya mengalahkan tentera2 musuh yang berjumlah sa-ribu orang.

Perchaya kepada diri sendiri itu-lah juga yang menjadi senjata yang kuat bagi Tarek bin Ziad ketika menyerang benua Eropah untuk membuka negeri Endalus sa-hingga beliau telah beroleh kemenangan yang gilang gemilang.

Kebangkitan bangsa Jepun sa-telah mengalami kekalahan di-dalam peperangan dunia yang kedua sa-hingga menjadi satu bangsa yang sa-banding kemajuan-nya dengan orang2 barat sekarang ini ada-lah di-sebabkan perchaya kepada diri sendiri dan kebolehan diri mereka sendiri. Kerana jika mereka itu tiada mempunyai sifat demikian tentu-lah bangsa itu sukar akan munchol sa-mula sa-bagai suatu bangsa yang paling maju sa-telah mengalami kerosakan dan penderitaan.

Orang2 Islam ada-lah kaum yang sa-patut-nya sekali perchaya kepada diri sendiri se-

KHUTBAH JUMAAT

**Gunakan-lah segala
kebolehan kita
untuk mencapai
kejayaan**

bab kekuatan yang ada pada diri-nya itu di-pergantongkan-nya kepada kekuatan Allah yang maha kuasa. Barang siapa yang beriman kepada Tohan-nya tidak-lah dia takut dan gentar bagi menjalani liku2 hidup ini. Dia tidak perchaya bahawa suatu kekuatan di-alam dunia ini yang akan menghalangi diri-nya kalau sekira-nya tiada di-izinkan oleh Allah. Keperchayaan tauhid mengajar kita bahawa di-dalam pekerjaan kita itu tidak akan di-timpa bahaya jika sekira-nya tidak di-takdirkan oleh Allah yang maha kuasa.

Oleh yang demikian marilah kita bekerja bagi memperbaiki diri kita, gunakan-lah kekuatan diri kita dalam usaha menyusun kehidupan kita supaya menjadi lebih baik dan lebih sempurna, gunakan-lah segala kebolehan kita untuk mencapai kejayaan di-dalam segala usaha yang mendatangkan kebajikan dan tanamkanlah keperchayaan kepada diri sendiri itu kepada diri dan anak2 kita. Mudah2an dengan demikian akan jadi-lah kita suatu umat yang berdikari yang sanggup memikul tanggung-jawab demi untuk mencapai sa-barang kejayaan yang di-redhai Tohan.

JUALAN LELONG

DENGAN ini di-ma'alomkan bahawa jualan lelong barang2 emas yang tidak di-tebus akan di-adakan di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Seri Begawan pada hari Sabtu 19hb. Ogos, 1972 mulai jam 9.00 pagi.



Sembilan dari 10 orang guru yang telah lulus kursus bimbingan bahasa Inggeris bergambar dengan dua orang pensharah. Pengenal gambar berdiri barisan depan dari kiri: Sha'aban bin Hamid, Abdullah Othman, Md. Zain Haji Mohiddin, Johari Mokhtar dan Hussain Mahari.

Barisan belakang dari kiri: Mr. M. Williamson (pensharah); Ismail Opak, Mohammad Hj. Jeruddin, Latif Othman, Zainalabidin Mohammad dan Mr. N. Walker (pensharah).

10 orang guru lulus kursus bimbingan bahasa Inggeris

GADONG. — Sa-ramai 10 orang guru yang di-pilih oleh Jabatan Pelajaran telah menamatkan kursus bimbingan bahasa Inggeris selama dua minggu baru2 ini di-Maktab Perguruan Sultan Hassan Bolkliah.

Mereka itu ia-lah A. Johari b. Moktar, A. Zainal Abidin b. Mohamed, A. Abdullah b. Othman, A. Mohd. Zain b. Haji Mohiddin, A. Mohamed b. Hj. Jerudin, A. Sha'aban b. Hamid, A. Abd. Latif b. Othman, A. Ismail b. Opak, A. Hussain b. Mahari dan A. Ghani b. Bujang.

Guru2 itu-lah nanti akan ditugaskan memberikan kursus atau panduan chara2 mengajar bahasa Inggeris kepada guru2 Melayu di-sekolah2 rendah Melayu.

Ini berikutan ketetapan Jabatan Pelajaran akan menyalorkan bahasa Inggeris dari darjah satu hingga darjah enam di-semua sekolah2 rendah Melayu di-negeri ini.

Nadzir Negara Sekolah2, Awg. Mohd. Suni b. Hj. Idris ketika berucap bagi menutup kursus itu telah mensifatkan pelajaran bahasa Inggeris ada-lah penting untuk di-ajarkan di-sekolah2 rendah Melayu.

Beliau berkata, tiga masa'aloh besar pada keseluruhan-nya meliputi pelajaran bahasa Inggeris bagi sekolah2 rendah Melayu, Hisab Moden dan Panduan Sains adalah tugas utama Jabatan Pelajaran sekarang, untuk menyusun-nya.

Ini kata-nya, meliputi semua sekolah2 rendah dan menengah Melayu, Inggeris dan Misi akan menerima pelajaran2 yang di-tentukan menurut ranchangan.

Pertandingan membaca Quran Brunei II

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pertandingan membaca Quran bahagian Brunei Dua bagi orang2 dewasa lelaki dan perempuan akan di-adakan di-dewan makan Sekolah Melayu Sengkurong pada 24hb. Ogos mulai jam 8.00 malam.

Pertandingan tersebut di-adakan bagi memilih wakil2 ka-pertandingan membaca Quran Daerah Brunei/Muara.

Borang2 untuk menyertai pertandingan itu boleh di-dapati sekarang dari ketua2 Kampong dan Imam2 di-kawasan Brunei Dua, setiausaha pertandingan itu Ak. Badaruddin bin Pengiran Haji Damit di-Jabatan Hal Ehwal Ugama Bandar Seri Begawan atau dari pengerusi pertandingan tersebut Imam Bahar bin Abdul Karim di-Mesjid Sengkurong.

Borang2 itu hendak-lah di-kembalikan kepada Setiausaha Pertandingan itu tidak lewat dari 20hb. Ogos.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 16hb. Julai, 1972 hingga ka-hari Selasa 22hb. Ogos, 1972 ada-lah seperti di-bawah ini:-

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Terbit
16hb. Ogos	12-29	3-47	6-37	7-48	4-43	4-57	6-15
17hb. Ogos	12-29	3-47	6-37	7-48	4-43	4-57	6-15
18hb. Ogos	12-29	3-47	6-37	7-48	4-43	4-57	6-15
19hb. Ogos	12-29	3-47	6-37	7-48	4-43	4-57	6-15
20hb. Ogos	12-29	3-47	6-37	7-48	4-43	4-57	6-15
21 hb.Ogos	12-27	3-45	6-35	7-46	4-42	4-57	6-15
22 hb.Ogos	12-27	3-45	6-35	7-46	4-42	4-57	6-15

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

(16hb. Ogos, 1972.)

BEBERAPA CHABARAN

LEMBAGA Bandaran, Bandar Seri Begawan nampaknya terpaksa menghadapi beberapa chabaran dalam langkahnya untuk melancarkan projek tempat penarohan kereta berbayar yang akan di-mulakan pada hari Isnin, 2 hari ini.

Soal yang sedang di-hadapi ia-itu tentang masa-masa yang mungkin ada dari sikap sa-tengau2 orang yang mampu yang tidak mengamoi berat akan kepentingan orang lain lalu memeram kereta-nya di-tempat2 penarohan hingga beberapa jam. Agak-nya sudah ada bau yang tercium oleh Lembaga Bandaran akan kemungkinan memeram kereta di-tempat2 penarohan berbayar itu di-kalangan orang2 yang mampu. Ura2 yang mereka bersedia membayar dari satu jam ka-satu jam hingga selesai urusan mereka itu sudah cukup terang di-dengari oleh Lembaga Bandaran bilamana Pemangku Pengerusi Lembaga itu mengeluarkan satu kenyataan berhubung dengan sikap "melam" tersebut. Ura2 ini jika benar2 menjadi satu kenyataan, maka ia-nya di-sifatkan beliau sa-bagai satu perbuatan "penyeluru". Dan, sikap ini ternyata satu sikap yang sa-olah2 mengecilkan usaha kerajaan untuk kebajikan semua golongan rakyat.

Perkataan penyeluru ini nampak-nya lebih sesuai daripada perkataan2 yang lain, kerana mustahil bagi mereka tidak mengetahui yang Lembaga itu telah menyediakan beberapa tempat untuk bayaran penarohan bulanan. Oleh itu, kenapa mereka tidak memilih tempat2 penarohan yang demikian itu bahkan mengura2kan hendak memeram di-tempat2 penarohan dalam kiraan jam yang sudah tentu pula akan mengganggu orang lain.

Ini merupakan satu peragai di-kalangan orang2 yang mampu yang agak kurang baik dan hal ini juga merupakan ancaman sa-chara tidak langsung terhadap orang2 yang kurang mampu. Kekuatan itu ketara benar di-tunjukkan dari latar belakang kerana mempunyai wang yang banyak sehingga terlupa akan kewajipan mereka untuk memberikan kerjasama kepada Kerajaan dalam usaha2 yang berkebaikan sa-umpama ini. Sikap menunjukkan gagah yang bukan pada tempat-nya ini ada-lah sangat2 di-kesalkan.


Demikian juga langkah memagar di-kawasan Jalan Pretty berhadapan dengan Kampung Sultan Lama yang tujuan-nya ia-lah untuk melindungi kereta2 yang di-taruh di-sana dari di-timpa oleh kechachtan.

Segala langkah yang di-buat itu ada-lah memikirkan kebajikan orang yang banyak menerusi jalan2 yang halal dan yang haram itu pula sudah tentu tidak akan di-indahkan.



Pasokan yang di-ketuai oleh D.Y.M.M. dan ayah-anda Baginda, D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan ketika bertarong dengan pasokan Panaga Daerah Belait dalam satu perlawanan sa-chara perahabatan. Panaga memenangi perlawanan itu.

Ketua pasokan Panaga kelihatan menerima Oskar rebutan hadiah dari D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang telah disampaikan oleh T.Y.T. Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Dato Peter Gautrey. Panaga ia-lah johan seluruh negeri bagi tahun 1972.



Ini-lah pasokan Panaga yang berjaya menjadi johan seluruh negeri sa-telah menewaskan pasokan Kampung Burong Pingai Ayer dari Daerah Brunei dan Muara.

Tarek kalat semakin di-minati

TAREK KALAT sudah merupakan satu lapangan sokan kebangsaan di-Brunei yang paling di-minati. Ia-nya tidak lagi di-monopoli oleh kaum lelaki, bahkan sudah di-minati oleh kaum wanita. Perlawanan tarek kalat antara kaum lelaki ada-lah perkara yang biasa dan ia-nya telah ujud di-Brunei sejak beberapa tahun yang lalu ia-itu sa-tiap tahun di-adakan sambutan hari keputeraan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Sir Muda Omar Ali Saifuddin, sa-waktu maseh menjadi Sultan ada-lah merupakan pelopor perlawanan tarek kalat itu. Pada waktu itu, Duli Yang Teramat Mulia itu mempunyai satu pasokan khas yang kehandalan-nya sukar hendak di-tandingi. Bilamasa di-adakan



Lihat betapa gagah-nya, Dayang Saerah binte Kula ini yang mengambil peranan penting sa-bagai sauh pasokan PERTIWI "A" yang mendapat tempat kedua.

Ini-lah ia-lah pasokan wanita dari Askar Melayu Diraja Brunei yang berjaya mendapat tempat ketiga.



sambutan hari keputeraan Baginda, maka di-laksanakan beberapa perlawanan tarek kalat yang di-laksanakan oleh kalangan Istana antara beberapa pasokan sahaja. Dan, bila Baginda berangkat ke-daerah2 di-negeri ini kerana sambutan hari keputeraan Baginda itu, maka di-adakan-lah perlawanan tarek kalat antara pasokan Baginda dengan pasokan2 daerah. Kesemua perlawanan itu di-menangi oleh pasokan Baginda dengan mudah sahaja, kecuali perlawanan dengan Daerah Tutong yang pernah bertarong dari petang hingga "mengumbok" malam.

Sejak ke-tan2 Istana itu, maka perlawanan tarek kalat semakin menarik perhatian orang yang tidak hanya dalam bandar2, pekan2 dalam negeri ini, tetapi juga di-kampung2 pendalaman.

Berikutan dengan itu timbul-lah daya usaha untuk mengadakan perlawanan tahunan sa-chara tug-of-war di-seluruh negeri yang meminati tarek kalat itu.

Persatuan Angkatan Tunas Harapan (PATUH) ia-lah merupakan penganjur tunggal dalam perlawanan sa-chara besar2-an itu yang tidak hanya di-adakan bagi lelaki sahaja tetapi juga kaum wanita. Tahun 1972 ini dalam perayaan sambutan hari keputeraan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Sir Muda Hassan Bolkiah ia-lah detik permulaan kaum wanita di-Brunei melangkah ke-tak untuk turut sama dalam perlawanan tarek kalat antara sesama mereka — antara "bini-bini" sahaja. Dalam perlawanan antara sa-banyak 18 orang. Bilangan pasokan mengandungi 18 orang yang terbanyak sekali berbanding dengan pasokan kaum lelaki yang hanya 16 pasokan sahaja.

Sa-tiap perlawanan itu di-adakan, gelanggang perlawanan di-padang besar di-penoh sesaki penonton sa-hingga sukar untuk di-kawal dengan rapi. Ini menunjukkan bahawa tarek kalat telah mempunyai peminat yang begitu ramai bilangan-nya dan ia-lah tidak kalah dengan peminat2 bola-sekak.

Gambar2 ini menunjukkan betapa meriah dan menarik-nya perlawanan tarek kalat itu di-Padang Besar bandar Seri Begawan dalam minggu lepas.



Pasokan jabatan2 Kerajaan yang di-ketuai oleh D.Y.M.M. dan D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan berjaya mengalahkan pasokan pehin2 dan ketua2 kampung. Dengan itu, pasokan jabatan2 Kerajaan memenangi piala hadiah dari Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir. Gambar atas menunjukkan Pemangku S.U.K. Dato Paduka Matnoor menjulang piala kemenangan itu, sementara D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan dan lain2-nya bersorak gembira atas kemenangan tersebut.



Ini lagi satu pemandangan bertarong tenaga yang gigih yang dapat di-lihat dari roman muka untuk menewaskan lawan.



Piala hadiah dari Y.A.M. Pengiran Perdana Cheteria Laila Diraja Sahibun Nabalah, Pengiran Hj. Damit bin Pengiran Metussin di-julang tinggi oleh Malai Rahmah binte Malai Mashhor dari pasokan PERTIWI "B" menjadi johan dan naib-nya ia-lah PERTIWI "A". Gambar atas melihat betapa gembira-nya mereka memenangi perlawanan itu.



D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan kelihatan menerima hadiah selaku peserta dalam pasokan jabatan2 Kerajaan dari Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Dato Peter Gautrey.



Pasokan Pehin2 kelihatan sa-kuat tenaga menarik kalat sa-waktu bertarong dengan pasokan jabatan2 Kerajaan. Tapi malang-nya pasokan ini tewas.



Tiga orang 'kuat' pasokan PERTIWI "B" bertarong tenaga untuk menewaskan pasokan lawan-nya — PERTIWI "A".

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

SA-BAGAI PEGAWAI PELAWAT KESIHATAN SEKOLAH2

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelakuan bagi jawatan Pegawai Pelawat Kesihatan Sekolah2 di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei. Satu jawatan ada-lah untuk di-penuhi oleh Pegawai Perubatan Perempuan.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai kelulusan perubahan yang boleh di-terima untuk di-daftarkan dengan General Medical Council of the United Kingdom, dan hendak-lah berumur di-bawah 45 tahun. Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman dalam kerja2 kesihatan di-sekolah2. Hanya pemohon2 yang mempunyai pengalaman tersebut sahaja akan di-pertimbangkan untuk di-lantik.

Mempunyai Diploma Kesihatan Awam atau pengalaman dalam kerja kesihatan awam merupakan suatu kelebihan.

Tugas2:

Menjalankan tugas2 Pegawai Pelawat Kesihatan Sekolah di-bawah arahan Pegawai Perubatan Kesihatan serta bekerjasama dengan Pegawai Perubatan Sekolah yang menjaga sekolah2.

Menjalankan tugas2 Kesihatan Awam/Perubatan jika perlu apabila di-arahkan oleh Pengarah Perkhidmatan Perubatan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji B2 EB 3 — \$1090x50 - 1140x40-1300x60-1360x40-1520x60-1580x40/1740 / EB / 1810x50-1960. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Baksis:

Baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan ganap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Sharat2 Lantikan:

Chalon yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantik sa-chara berkontrek selama 3 tahun termasuk masa percutaan sa-lama 6 bulan. Kontrakt boleh di-baharui dengan persetujuan bersama. Bagi chalon yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantik ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh percutaan.

Chukai Pendapatan:

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Butir2 mengenai syarat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada-nya tidak lewat daripada 28hb. Ogos, 1972.

Sa-bagai Atendan Rumah Sakit

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenuhi jawatan2 kosong sa-bagai Atendan Rumah sakit di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah V Sekolah Melayu dan juga mempunyai sedikit pengetahuan dalam bahasa Inggeris.

Tugas2:

Chalon2 yang terpilih akan ditempatkan di-Rumah2 Sakit Kerajaan, Gedong2 Ubat dan di-Klinik2 Kesihatan. Mereka mesti-lah bersedia menjalankan tugas sama ada siang atau malam dimana2 daerah di-negeri ini.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F. 2-3-4 EB 5 — \$200x5-260/EB/270x10-290.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat dari 26hb. Ogos, 1972.

Sa-bagai Penjaga Asrama

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenuhi jawatan kosong sa-bagai Penjaga Asrama di-Jabatan Pelajaran, Brunei.

Kekosongan itu ia-lah:-

- Maktab Perguruan Sultan Hassan Bdkiah, Gadong, Brunei. (1 laki2 dan 1 perempuan)
- Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara, Brunei. (1 perempuan).

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus Sijil Rendah Pelajaran atau yang sa-banding dengan-nya dan hendak-lah sa-baik2-nya mempunyai pengalaman dalam penyeliaan dan pengurusan sa-buah asrama termasuk pengalaman memasak makanan Melayu serta berumur di-antara 25 hingga 45 tahun.

Tugas2:

- Menjaga asrama dan pekerjaan2-nya (Tukang Masak dan Pembersih2)
- Menjaga, membeli belah dan memeriksa barang2 yang di-bekalkan, menyediakan jadual2 makanan serta makan minum di-asrama.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 3-4 EB 5 — \$410x20-510-660/EB/690x20-750. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang Lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat daripada 26hb. Ogos, 1972.

Kenyataan2 Pegawai Penguasa Warith

SURAT KUASA PESAKA

No. /1972.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Ahim bin Lazim, d/a Kampong Luagan Timbaran, Batu 18, Jalan Tutong, atau Pejabat Kerja Raya, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Awang Lazim bin Ahad yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 26 hari-bulan Ogos, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 7 hari-bulan Ogos, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. /1972.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Hajjah Jijah bte. Haji Marali, d/a Awang Jumat bin Haji Saban, Kampong Silyon, Batu 10, Jalan Tutong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Dayang Limah bte. Tinggal @ Hajjah Alimah bte. Tinggal yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 26 hari-bulan Ogos, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 7 hari-bulan Ogos, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. /1972.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Mohin bin Md. Hussein, d/a No. 6, Kampong Serasa, Muara, Brunei atau Sekolah Melayu A.H.M.Y., Kati Mahar, Batu 13, Jalan Tutong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Awang Hussin bin Awang Safar yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 26 hari-bulan Ogos, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 7 hari-bulan Ogos, 1972.

Sa-bagai Amah

Permohonan2 ada-lah di-pelawa dari chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk di-lantik sa-bagai Amah di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

Chalon2 mesti-lah berumur di-antara 18 hingga 40 tahun dan boleh bertutur dalam bahasa Melayu. Mereka hendak-lah sebaik2-nya mempunyai pengalaman sa-bagai Amah Rumah Sakit.

Tugas2:

Chalon2 yang terpilih akan ditempatkan di-Rumah2 Sakit Kerajaan, Gedong2 Ubat, Klinik2 Kesihatan dan Asrama2 Jururawat.

Pemohon2 mesti-lah bersedia untuk bertugas siang atau malam dan bekerja di-mana2 daerah di-negeri ini.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F. 2-3 EB 4 — \$200x5-215-240/EB/245x5-260.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat daripada 21hb. Ogos, 1972.



Penyembor ubat D.D.T.

BANDAR SERI GEBAWAN. — Rombongan penyembor dari Projek Penghapus Malaria akan menjalankan kerja menyembor ubat DDT ka-Kampong2 Mungkom pada 21hb. Ogos, Berbuloh pada 22hb. Ogos, Menengah pada 23hb. Ogos, dan Bukit Sulang pada 26hb. Ogos.

JAWATAN KOSONG:

Sa-bagai Ketua Pembantu Teknik

Permohonan2 ada-lah di-pela-wa dari chalun2 yang berkelayakan bagi jawatan Ketua Pembantu Teknik (Radio) di-Pejabat Talikom Negara, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Chalun2 hendak-lah sa-baik2-nya kelulusan hingga ka-peringkat City and Guilds of London Institute Final Certificate in Telecommunications tetapi pengalaman praktikal yang luas dan kebolehan yang terbukti akan dianggap lebih mustahak. Pemohon2 hendak-lah juga mempunyai sekurang2-nya 7 tahun pengalaman praktikal dengan sa-buah badan pentadbiran talikom atau yang sama serta mempunyai pengalaman luas mengenai alat2 radio H.F. dan V.H.F. Mempunyai pengetahuan mengenai alat2 U.H.F. merupakan satu kelebihan tambahan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C3 EB 4 — 1000x30-1120 / EB / 1160x30-1280. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalun yang berjaya yang bu-

BRUNEI telah mengalahkan Sabah dalam perlawanan tinju antara wilayah dengan enam perlawanan berbalas lima dan telah berjaya memenangi piala yang di-hadiahkan oleh Dato R.D. Ross.

Gambar atas menunjukkan ketua pasukan Brunei, Walter Boyd sambil memegang piala yang di-menangi sedang di-julang oleh rakan2-nya.

kan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perchubaa sa-lama enam bulan dan kontrek boleh di-baharui dengan persetujuan bersama. Bagi chalun2 yang terdiri raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaa.

Baksis:

Bagi sa-seorang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan ganap berkhidmat. Baksis tidak bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-pa-nohkan di-dalam borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada-nya tidak lewat dari 5hb. September, 1972.

TAWARAN PERMAKINAN ASRAMA

Tawaran2 akan di-terima oleh Pengerusi, Lembaga Tawaran Brunei, Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, Brunei sahingga hari Selasa, 22hb. Ogos, 1972 jam 2.00 petang untuk membekalkan Bahan2 Permakinan Asrama untuk sa-panjang tahun 1973 kapada maktab2 dan sekolah2 yang berikut:

Kumpulan 1:

- Sekolah Pertukangan Bangunan, Jalan Muara Brunei.
- Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara, Brunei.

Kumpulan 2:

- Maktab Perguruan Sultan Hassanah Bolkiah, Gadong.
- Asrama Pusu Ulak, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Kumpulan 3:

- Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Bandar Seri Begawan, Brunei.
- Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Kumpulan 4:

- Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong.
- Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah, Tutong.

Kumpulan 5:

- Maktab Anthony Abell, Seria.
- Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajudin, Kuala Belait.

Kumpulan 6:

- Sekolah Pertukangan Kejuruteraan, Kuala Belait.
- Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Kuala Belait.

Kumpulan 7:

- Sekolah Melayu Sultan Hasan, Bangar, Temburong.

2. Keterangan2 lanjut dan borang2 tawaran boleh di-dapati di-

Jabatan Pelajaran, Bandar Seri Begawan, Brunei.

3. Tawaran2 yang di-terima selepas jam 2.00 petang, 22hb. Ogos, 1972 tidak akan di-terima.

4. Tawaran2 mesti-lah di-masokkan ka-dalam sampul surat biasa yang tertutup rapi, di-alamatkan seperti di-para 1 di-atas dan hendak-lah di-bubuh tanda dengan terang:

'TAWARAN PERMAKINAN ASRAMA TAHUN 1973'

Mesti-lah tidak ada sa-barang tanda di-luar sampul surat itu yang boleh mengenalkan nama pemborong dan nama2 tawaran yang ditulis dengan tidak senonoh dan tidak lengkap akan di-kira rosak dan di-tolak.

5. Wang pertarohan (Deposit) sa-banyak \$100.00 (sa-ratus ringgit sahaja) bagi tiap2 satu kumpulan hendak-lah di-bayar pada masa mendaftar dan wang itu akan di-kembalikan kepada pemborong2 yang tidak berjaya. Pemborong2 yang berjaya tetapi tidak mahu menerima tawaran itu, maka wang pertarohan-nya itu akan hilang.

6. Pemborong2 mesti-lah mereka yang tinggal di-dalam daerah tempat maktab/sekolah itu dan mereka tidak di-benarkan memborong di-daerah2 yang lain.

7. Kerajaan tidak akan bertanggung-jawab bagi menerima sa-barang tawaran yang murah atau lain2 tawaran.

8. Waktu2 mendaftar ia-lah pada tiap2 hari bekerja dari jam 8.00 — 12.00 tengahari dan dari jam 1.30 — 2.30 petang pada tiap2 hari Isnin — Khamis; dari jam 8.00 — 10.30 pagi pada hari Sabtu.

Pengarah Pelajaran, Brunei.

Ref: JPA/N/3/212.

Jabatan Pelajaran Brunei.

Tarikh: 1hb. Ogos, 1972.

65 orang mendaftar untuk sertai kelas2 hadharah, gulin-tangan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 65 orang telah mendaftarkan nama untuk menghadiri kelas2 hadharah, gendang gulin-tangan dan tarian kebudayaan yang di-anjorkan oleh Majlis Belia2 Brunei.

Kelas2 itu akan di-adakan di-Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

Kelas gendang gulin-tangan

di-adakan pada tiap2 hari Khamis dan Sabtu dari jam 4.30 petang hingga 6.00 petang.

Kelas2 hadharah dan tarian kebudayaan akan di-adakan tiap2 hari Jumaat dan Ahad.

Kelas hadharah akan di-adakan dari jam 9.00 pagi hingga 11.00 pagi sementara kelas tarian kebudayaan dari jam 2.30 tengah hari hingga 4.30 petang.

SI-TUYU oleh: m. salleh ibrahim



PENAROHAN KERETA BEBAYAR:

MASAALAH "MELALAM" TIDAK TIMBUL—HJ. AZIZ

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran, Y.B. Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz yakin bahawa masalah "melalam" di-tempat2 penarohan kereta berbayar tidak akan timbul.

Dalam satu pertemuan khas dengan Pelita Brunei, beliau menjelaskan undang2 penarohan kereta berbayar yang mula di-kuatkuasakan pada 1hb. September ini ada-lah bagi mengatasi kesesakan kereta2 yang mencari tempat2 penarohan.

Jika pun timbul sikap memeram kereta di-tempat2 penarohan berbayar di-kalangan yang mampu, maka perkara itu di-sifatkan beliau sa-bagai satu penganyayaan kepada orang ramai, sa-lain dari "menyelurukan" usaha Kerajaan.

Oleh yang demikian, kata-nya, satu tindakan yang tegas melalui undang2 akan di-kenakan kepada mereka itu sa-telah mereka enggan menurut nasihat untuk menaruh kereta mereka di-kawasan yang di-kenakan bayaran bulanan yang di-khaskan.

Sa-lain dari itu, beliau juga menyatakan tentang usaha2 yang sedang di-jalankan sa-bagai langkah menjamin keselamatan kereta2 yang di-taroh di-tempat2 penarohan berbayar itu.

Tanah Temburong sesuai untuk pertanian

TEMBURONG. — Pegawai Daerah Temburong, Awang Abdullah bin Hj. Ja'afar telah menerangkan bahawa Daerah Temburong mempunyai tanah yang sangat subur dan sesuai untuk di-jadikan berbagai2 perusahaan pertanian.

Sa-bagai mana yang dapat di-saksikan Jabatan Pertanian telah mengadakan penanaman padi dua kali sa-tahun, menanam buah2an di-Kampung Salangan dan menanam kelapa di-Kampung Semabat yang sekarang sedang giat di-usahakan.

Pegawai Daerah itu telah berucap demikian semasa melakukan pembukaan rasmi Pertunjukan Pertanian di-Pekan Bangar baru2 ini sa-bagai sa-bahagian dari acara kerana menyambut Hari Keputeraan yang ke-26 Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di-daerah itu.

Di-upahara yang di-hadiri oleh Ketua2 Kampong, Tuai2 Rumah Panjang dan penduduk2 di-daerah itu, Awang Abdullah menyeru mereka supaya mengambil kesempatan yang ke-emasan dengan berkunjung ke-Stesen2 Pertanian Kerajaan untuk mendapatkan nasehat2 dan mempelajari teknik pertanian moden.

Kata-nya, Pertanian ada-lah satu perkara yang sangat mustahak dalam sa-sebuah negara yang maju lebeh2 lagi dalam negara2 yang sedang membangun seperti Brunei yang sangat2 memerlukan perkembangan pertanian.

Beliau menerangkan sa-lanjutnya bahawa pertanian ada-lah sumber keteguhan ekonomi negara. "Bila sa-sebuah negara terjamin ekonomi-nya ada-lah dari hasil pertanian dalam negara itu sendiri", ujar-nya.

Raja2an Duli Yang Maha Mulia telah memberikan kemudahan2 pertanian kepada rakyat di-seluruh negeri dengan melalui Jabatan Pertanian, seperti memberikan kursus kepada Ketua2 Kampong, ahli2 peladang di-ajar chara2 menggunakan jentera KUBOTA serta bantuan2 lain yang di-fikirkan perlu.

Awang Abdullah juga mengharapkan kepada mereka yang pernah mengikuti kursus2 tersebut supaya dapat mengajar dan memberi penerangan2 kepada anak2 kampong mereka bagi meninggikan taraf pertanian dan menambahkan hasil pendapatan masing2.

Beliau menerangkan TAMU di-Pekan Bangar telah pun di-adakan bagi menggalakkan peladang2 menjual hasil tanam-an mereka kepada orang ramai.

Lebeh 70 jenis barang2 dari peladang2 di-Daerah Temburong telah di-pertunjukkan pada hari itu.

Kawasan Jalan Pretty di-hadapan Kampong Sultan Lama, kata-nya, akan di-pagar dari Steshen menjual minyak hingga ka-pintu gerbang tetap di-muka jalan Lagoon Mesjid Omar Ali Saifuddin.

Kerja2 memasang pit sedang giat di-jalankan yang akan di-ikuti pula kerja2 membubuh garisan2 penarohan dan sa-terus-nya memasang pagar tersebut.

Sementara itu, kerja2 untuk mengator dan membubuh nombor bagi tempat2 penarohan kereta yang di-kenakan bayaran telah pun sempurna di-laksana-kan.

Kira2 1,000 tempat penarohan di-sekitar Bandar Seri Begawan akan di-kenakan bayaran2 yang tertentu dalam jangka masa yang di-tetapkan mulai hari Isnin, 2hb. September ini.

Pengambilan pekerja2 untuk mengendalikan ranchangan itu telah pun di-lakukan dan kira2 400 orang yang terdiri dari belia2 telah memohon.

Dato Paduka Awang Hj. Abdul Aziz menyatakan bahawa pekerja2 yang di-kehendaki dalam ranchangan itu ia-lah kira2 90 orang yang terdiri dari lelaki dan perempuan.

Menurut beliau lagi, di-samping kadar gaji yang amat berpatutan pada sa-hari, pekerja2 itu juga akan di-beri pakaian seragam yang menarek.

Pekerja2 itu nanti akan di-beri kursus singkat chara2 mengendalikan tugas2 mereka dan tata-tertip bekerja, khas-nya bila berhadapan dengan orang ramai atau pemandu2 yang menggunakan tempat2 penarohan berbayar itu.

Empat kawasan penarohan penting akan di-kenakan bayaran sa-banyak 30 sen sa-jam dan yang lain2-nya hanya 20 sen sa-jam.

Tiga kawasan akan di-sediakan untuk bayaran penarohan bulanan sa-banyak \$30.00 sa-bulan. Ketiga2 kawasan itu ia-lah tempat letak kereta di-belakang Pang-gong Boon Pang; Sa-panjang Jalan Pretty dan kawasan Tamu; dan, bahagian tempat letak kereta kawasan Dewan Kemasharakatan. Bayaran bagi tiap2 satu jam di-ketiga2 kawasan tersebut ia-lah 20 sen.

Empat kawasan yang di-kenakan bayaran 30 sen bagi tiap2 satu jam itu ia-lah bahagian Jalan Sultan dari simpang-nya dengan jalan McArthur kepada simpang-nya dengan Jalan Chevalier; seluroh Jalan Chevalier; seluroh Jalan Cator dan jalan di-sa-keliling Pasar; dan, seluroh Jalan McArthur dan sa-bahagian tempat letak kereta Bangunan Kastam.

Tempat2 penarohan yang di-kenakan bayaran 20 sen sa-jam itu ia-lah Jalan Kianggeh dari simpang-nya dengan Jalan McArthur kepada simpang-nya dengan Jalan Elizabeth II; seluroh Jalan Roberts; tempat letak kereta awam Bas/Teksi dekat Pasar; dan tempat letak kereta Tembatan Penumpang2 ia-itu dekat Gudang Beras.

Bayaran2 dengan kiraan jam itu akan di-kenakan di-antara pukul 7.30 pagi dan 5.30 petang pada tiap2 hari, kecuali hari Ahad dan lain2 hari yang di-fikirkan perlu oleh Lembaga Bandaran dari satu masa ka-satu masa.



Penduduk2 Kg. Parit gotong royong bena taliayer

KAMPONG PARIT, TEMBURONG. — Penduduk2 di-Kampung Parit, Temburong telah berchadang untuk menanam padi paya pada musim tahun 1973/1974 akan datang.

Sa-orang juruchapak Jabatan Pertanian telah menerangkan bahawa kerja2 sa-chara bergotong royong telah pun di-adakan baru2 ini dengan membuat am-pangan ayer sa-bagai permulaan.

Kerja tersebut di-buat ia-lah atas nasihat yang di-berikan oleh Jurutera Parit dan tali ayer Jabatan Pertanian, Awang Salleh bin Hj. Jalil.

Kampung Parit ia-lah sa-buah kampong di-daerah Temburong yang jauh-nya dari Pekan Bangar lebeh kurang 6 batu, dan mempunyai keluarga 40 kelamin.

Di-samping mengerjakan am-pangan ayer, mereka telah juga membersehhkan hutan belukar 20 ekar.

Chadang untuk menanam padi paya itu ia-lah sa-luas 30 ekar.

Pada masa ini penduduk2 di-kawasan tersebut telah bertanam padi Tugal.

Chadang untuk menanam padi paya ada-lah julong2 kali yang di-adakan di-kawasan tersebut atas nasihat2 yang telah di-berikan oleh Jabatan Pertanian.

Penubohan biasiswa bersama

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sharikat Minyak Shell Brunei mengumumkan penubohan satu ranchangan bersama dengan kerajaan Brunei untuk memberikan biasiswa kepada rakyat Brunei untuk melanjutkan pelajaran di-universiti2 di-United Kingdom.

Di-bawah ranchangan tersebut pemilihan permohonan untuk biasiswa2 itu akan di-laksanakan oleh Jawatankuasa Biasiswa Kerajaan Brunei sementara Sharikat Minyak Shell akan menemu-duga penuntut2 mengenai kebolehan teknikal.

Sharikat Minyak Shell akan mengeluarkan lima biasiswa pada

LEMBAGA Bandaran. Bandar Seri Begawan mulai minggu lepas telah menyediakan 100 buah meja khas untuk penjual2 sayur2-an, buah2an dan lain2-nya di-kawasan Tamu.

Tetapi bilangan ini terpaksa di-tambah sa-banyak 100 buah lagi memandag kepada ramainya bilangan penjual2 di-kawasan Tamu itu.

Meja2 itu di-sediakan oleh lembaga tersebut dengan perchu-ma dan hanya di-kenakan sharat supaya penjual2 di-situ menjaga kebersihan. Siapa2 yang melanggar sharat tersebut akan tidak di-benarkan menjual di-kawasan Tamu tersebut. Tong2 sampah bagi memudahkan penjual2 itu membuang sampah sarap telah juga di-sediakan di-kawasan tersebut.

Ini-lah satu perubahan yang baru dari langkah Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan untuk mengelok dan memudahkan lagi penjual2 di-Tamu itu, di-samping dapat memelihara kebersihan bandar.

Mulai minggu lepas juga, peniaga2 makanan seperti satay, soto, mee dan lain2-nya telah di-pindah ka-kawasan Band Stand di-Jalan Residency, sementara penjual2 kueh muih di-letakkan sa-dirit di-lorong berdekatan dengan pasar barang2 runcit yang baru di-kawasan Tamu.

Lembaga Bandaran juga sedang giat melaksanakan pembeanaan gerai bagi penjual2 sayur harian di-kawasan Tamu. Gerai itu juga akan di-gunakan oleh penjual2 di-pasar malam yang di-adakan pada tiap2 hujung minggu jika di-takdirkan hujan.

Gambar atas menunjukkan, penjual2 di-Tamu dengan menggunakan meja2 yang di-sediakan oleh Lembaga Bandaran.